



JABATAN PENDIDIKAN SWASTA,  
(DEPARTMENT OF PRIVATE EDUCATION)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.  
(MINISTRY OF EDUCATION, MALAYSIA)  
PARAS 1, BLOK K,  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-20986900/  
(Telephone) 603-20983674  
Faks : Fax) :603-20935463

KP(JPS)5181/01/02Jld. 2(14)  
Tarikh : 10 Februari 2004

Semua Ketua Eksekutif  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PERINGATAN KEPADA SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA BIL. 1/2001**

**Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555)**

Surat ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3/2000 bertarikh 31 Mac 2000 dan Bil. 1/2001 bertarikh 14 Februari 2001 berkaitan Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

2. Kementerian Pendidikan mendapati bahawa terdapat institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang masih mengiklankan kursus-kursus pengajian tanpa menggunakan kod kursus pengajian seperti yang tercatat dalam perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

3. Contoh kod kursus pengajian yang diguna pakai adalah:

**KP/JPS(K035)5/04**

3.1 KP/JPS menunjukkan rujukan Kementerian Pendidikan

3.2 (K035) menunjukkan nombor rujukan kursus pengajian seperti syor LAN

3.3 5/04 menunjukkan bulan dan tahun tamat tempoh sah laku kursus pengajian iaitu bulan **Mei tahun 2004**

4. Sehubungan dengan itu, semua IPTS yang telah mendapat kelulusan mengendalikannya kursus pengajian daripada Kementerian ini hendaklah menyebut

kod kursus pengajian dalam semua iklan dengan menggunakan format seperti di para 3 di atas.

5. Butiran kod kursus pengajian perlu disebut dalam setiap iklan yang dikeluarkan oleh IPTS. Ini bertujuan memberi panduan kepada pelajar-pelajar bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan oleh IPTS telah diluluskan, tempoh sah laku kursus masih sah dan kursus pengajian didaftarkan selaras dengan kehendak Akta 555.

6. Kementerian Pendidikan akan bertindak tegas dalam perkara ini dan kegagalan berbuat demikian membolehkan Kementerian Pendidikan mengambil tindakan perundangan ke atas mana-mana IPTS yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.

7. Surat Peringatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HJ. ALIMUDDIN B. HJ. MOHD. DOM)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
c.o. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan kepada:

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Muhamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen

5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Semua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Jabatan Pendidikan Negeri
9. Semua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Eksekutif  
Lembaga Akreditasi Negara
13. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
14. Presiden  
Persatuan Kolej-Kolej dan Universiti Swasta Malaysia (MAPCU)  
No. 1, Persiaran Utama, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya
15. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi-Institusi  
Pendidikan Swasta dan Bebas (NAPEI)  
35A, Jalan SS 22/19  
Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya
16. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Bumiputra Malaysia (PKIBM)  
d/a L & G Twintech Institute of Technology, Tingkat 5, Blok E  
Pusat Perdagangan Sri Damansara  
Persiaran Industri, Bandar Sri Damansara  
52200 Kuala Lumpur